

BENGGEL STANDARDISASI REKA BENTUK KOMPONEN SENI BINA SIRI 1/2011

Tarikh : 25 & 26 April 2011 (Isnin & Selasa)

Tempat : Laman Ilmu, Cawangan Arkitek, Tingkat 7 Menara Tun Ismail Mohamed Ali, Kuala Lumpur

Masa : 9.00 pagi – 4.30 petang

Bahagian Teknologi dan Inovasi Bangunan (BTIB), Cawangan Arkitek telah menganjurkan Bengkel Standardisasi Reka Bentuk Komponen Seni Bina Siri 1/2011 pada 25 & 26 April 2011 yang lalu dan dihadiri oleh seramai kira – kira 35 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai (Arkitek) dan Kakitangan Sokongan dari Cawangan Arkitek, IPJKR.

Bengkel ini merupakan salah satu daripada Program Inovasi Cawangan Arkitek dimana ia bertujuan sebagai satu capaian mudah bagi semua pereka bentuk di Cawangan ini. Bengkel ini juga diadakan selaras dengan Program Pelaksanaan Reka Bentuk *Pre-approved Plans* (PAP). Selain itu juga komponen seni bina menyumbang kepada skor IBS (*CIS18:2010 Table 3: IBS Score for Other Simplified Construction Solutions*).

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mempercepatkan proses penyediaan reka bentuk komponen - komponen seni bina melalui pembangunan **E-komponen seni bina** (*web based*) dan **Katalog Komponen** (*hardcopy*). Dengan adanya bengkel ini para pereka bentuk dapat menambah baik reka bentuk komponen seni bina yang telah disediakan seperti menggunakan sistem kod dan format lukisan yang betul dan seragam (*drawing convention*) serta menyediakan matriks variasi komponen untuk penyediaan e-komponen seni bina.

Secara ringkasnya terdapat empat skop didalam bengkel ini berdasarkan kepada tujuh jenis komponen seni bina yang telah dikenalpasti iaitu tangga, susur tangan, pintu, tingkap, panel dinding, tandas dan aksesori seni bina iaitu Skop 1 : Pembentangan lukisan reka bentuk komponen seni bina, Skop 2 : Maklum balas/ menambah baik reka bentuk komponen yang telah dicadangkan , Skop 3 : Penyediaan Matriks Variasi Komponen (saiz, rekabentuk, spesifikasi) serta Skop 4 : Penyediaan & standardisasi perincian komponen.

Melalui bengkel ini perkongsian ilmu, proses pembelajaran dan perkongsian pengalaman diantara peserta untuk penambahbaikan dari segi kualiti reka bentuk komponen seni bina dapat ditingkatkan selain daripada mempercepatkan proses kerja reka bentuk komponen – komponen tersebut.

